



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 20 JULAI 2023

| BIL      | TAJUK KERATAN AKHBAR   | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                        |
|----------|--|---|
| 1.       | ENSURING THE PRICE OF RICE IS RIGHT, NATION, THE STAR -9   | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2.       | TENOX SASR JUAL RM3 JUTA SUSU KAMBING, EKONOMI, UM -37   | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)                  |
| 3.<br>4. | HARAMKAN PENGGUNAAN BUBU NAGA, DALAM NEGERI, UM -35<br>LEBIH 230,000 BENIH UDANG GALAH DILEPAS DI DUA SUNGAI DI PAHANG, NASIONAL, BH -19 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                      |
| 5.       | RUMPAI JADI ANCAMAN PESAWAH DI MUSIM PANAS, GAYA PERTANIAN, UM -26   | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)              |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Ensuring the price of rice is right

By KHOO GEK SAN  
geksan@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Despite ongoing chatter that the labels on locally grown rice have been switched with those of imported grains, authorities say they have found no evidence of such practices.

“Stringent enforcement measures demonstrate the government’s commitment to protecting the interests of consumers and local rice producers,” said the Agriculture and Food Industry Ministry’s Padi Industry Development Division director-general Datuk Azman Mahmood.

He said 348 various cases were reported last year for the ministry’s attention under the Control of Padi and Rice Act and related regulations.

Out of these, he said there were only four instances that involved the sale of local white rice above the regulated price of RM2.60 per kg.

This showed the effectiveness of enforcement efforts, he said.

Kedah-Perlis SPB Malay Rice Millers Association president Marzukhi Othman had suggested to the government that labels for local and imported rice be abolished to overcome the problem of white rice labels being switched.

The “Super Special Local” (SST) and “Super Special Import” (SSI) labels should be removed to avoid middlemen from manipulating them, he said.

“This is because local rice is priced at RM2.60 per kg, while imported rice prices vary based on the market,” he told Bernama.

He said 192 commercial rice-producing factories and 1,495 wholesalers nationwide would be inspected.

Azman added that authorities would also depend on the public to report any cases of local rice being labelled as imported.

He reminded merchants that those caught selling local white rice above the control price could be fined RM25,000 under the law.

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|-----------|--------------------|---------|---------------|
| 20/7/2023 | UTUSAN<br>MALAYSIA | EKONOMI | 37            |

# Tenox sasar jual RM3 juta susu kambing

**MARANG:** Syarikat pengeluar susu kambing terbesar di Malaysia, Tenox Agrobusiness (M) Sdn. Bhd. menyasarkan jualan sebanyak RM3 juta menjelang Disember tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Muhammad Hariz Nor din berkata, ia peningkatan hampir 50 peratus berbanding jualan RM2 juta yang direkodkan tahun lalu.

Menurutnya, syarikat optimis dapat mencapai sasaran itu berdasarkan jualan RM900,000 yang telah direkodkan sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

“Ketika ini pengeluaran susu kambing dengan kae dah UHT (*ultra heat temperature*) adalah sebanyak 90,000 botol sebulan. Syarikat akan meningkatkan kapasiti pengeluaran sekali ganda dalam masa terdekat untuk mencapai sasaran jualan itu.”

“Penggunaan mesin-mesin pemprosesan susu kambing berteknologi tinggi

yang baru diperolehi akan membantu syarikat untuk mencapai sasaran tersebut,” katanya ketika ditemui pemberita di kilangnya di Akademi Pengembangan Veterinar Jenang dekat sini, semalam.

Mula beroperasi pada 2019, syarikat itu turut mendapat kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Terengganu dan beberapa agensi kerajaan lain untuk membantu melebarkan lagi sayap perniagaannya.

Ketika ini, terdapat enam perisa susu kambing yang dikeluarkan dengan jenama Kaprima iaitu perisa asli, coklat, strawberi, jagung, kurma dan kopi susu pada harga RM3.50 untuk 125 mililiter.

Muhammad Hariz berkata, dalam masa terdekat, syarikat bercadang memperkenalkan tiga lagi perisa baharu iaitu Tongkat Ali, Caramel dan Mocha sebagai inisiatif untuk menembusi pasaran antarabangsa tidak lama lagi.

| TARIKH    | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA<br>SURAT |
|-----------|--------------------|-----------------|---------------|
| 20/7/2023 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 35            |

## Haramkan penggunaan bubu naga

**BUKIT GANTANG:** Kerajaan perlu memandang serius penggunaan bubu naga di perairan awam oleh pihak yang tidak bertanggungjawab kerana menjelaskan hasil tangkapan nelayan.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah berkata, walaupun pelbagai agensi penguatkuasaan berkaitan sering melakukan operasi merampas bubu naga, namun ia tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut.

Menurutnya, masalah itu akan terus berlaku selagi masyarakat tidak mempunyai kesedaran secara total tentang impak yang bakal berlaku daripada penggunaan bubu naga.

"Jabatan Perikanan Malaysia merancang untuk mengarahkan kepada pengharaman penggunaan bubu naga di laut umum.

"Kaedah tangkapan ini merugikan negara dan menjelaskan hasil tangkapan nelayan pada masa depan," katanya.

Beliau ditemui pemerita pada perasmian Program Pemuliharaan Paya Bakau Sebagai Habitat Pembibitan Ikan di Hutan Simpan Trong Selatan dekat sini semalam.

Majlis dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd. Zolkafly Harun.

Turut hadir, Timbalan Pengarah Perhutanan Perak, Siti Dessyma Isnani.

Menurut Wan Muhammad Aznan, bubu naga hanya sesuai untuk digunakan bagi sektor akuakultur dan bukan di laut umum.

Beliau berkata, Akta Perikanan 1985 iaitu akta umum boleh digunakan pula oleh agensi penguatkuasa seperti Jabatan Perikan, Agensi Pengawas Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Polis Marin.

| TARIKH    | MEDIA            | RUANGAN  | MUKA<br>SURAT |
|-----------|------------------|----------|---------------|
| 20/7/2023 | BERITA<br>HARIAN | NASIONAL | 19            |

## Lebih 230,000 benih udang galah dilepas di dua sungai di Pahang

**Rompin:** Jabatan Perikanan Pahang melepaskan lebih 230,000 benih udang galah dalam tempoh seminggu di Sungai Rompin, di sini dan Sungai Pahang di Pekan.

Pengarahnya, Abdullah Jaafar berkata, ia sebahagian daripada lebih 282,200 benih udang galah yang dilepaskan sepanjang tempoh tujuh bulan tahun ini di beberapa sungai utama negeri.

Beliau berkata, pelepasan benih itu di Sungai Rompin dan Sungai Pahang mengambil kira statusnya yang sememangnya terkenal dengan udang galah berkuaiti tinggi dan menjadi sumber pendapatan ramai nelayan darat di daerah berkenaan.

Dua sungai utama itu juga, katanya, menjadi tumpuan pemanjangan luar untuk datang memburu udang galah, selain pelbagai spesies ikan air tawar yang mendapat permintaan tinggi.

"Program pelepasan udang galah dilakukan secara berperingkat sepanjang tahun dengan pembabitan pelbagai pihak termasuk pemimpin masyarakat, penduduk kampung dan nelayan darat.

"Kita yakin dengan adanya program pelepasan benih udang galah dapat meningkatkan stok hidupan sungai itu, selain berupaya menambah pendapatan nelayan darat serta menggalakkan lagi aktiviti memancing yang menjadi produk pelancongan," katanya pada Program Pelepasan Benih Udang Galah di Sungai Rompin, di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berharap program digerakkan pihaknya itu dapat memulihara dan menjamin kelestarian sumber perikanan sungai di samping meningkatkan sumber pendapatan nelayan darat setempat.

Bagi tujuan pemuliharaan dan perlindungan sumber perikanan, Abdullah berkata, jabatan berharap nelayan darat khususnya dan masyarakat umumnya dapat memanfaatkan kekayaan sumber perikanan secara bertanggungjawab supaya sumber perikanan kekal mamparn.

"Ini termasuk memastikan tidak menggunakan peralatan destruktif atau merosakkan sumber perikanan seperti racun tuba, bahan letupan dan elektrik, selain aktiviti yang menyebabkan pencemaran serta kerrosakan alam sekitar.

"Penggunaan peralatan racun tuba, bahan letupan dan elektrik suatu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Perairan Sungai) 1991 yang boleh dikompaun atau didakwa di mahkamah," katanya.

Oleh INTAN SUHANA  
CHE OMAR  
intan.suhana@mediamulia.com.my

**S**EDAR atau tidak, cuaca panas melanda negara pada ketika ini memberikan ancaman kepada pertumbuhan rumput kepada pesawah.

Penyelidik Laboratori Pengeluaran Tanaman Pintar-Iklim, Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAfOs), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Zulkarami Berahim Berkata, ketidaaan air di benda menyebabkan berlakunya masalah rumput yang teruk kerana ia tumbuh lebih cepat berbanding padi semasa awal pertumbuhan pokok padi.

"Cuaca panas boleh mengundang banyak penyakit padi dan perosak tanaman padi seperti karah, reput tangkai dan sebagainya.

"Penyakit dan perosak amat sensitif terhadap perubahan suhu dan kelembapan. Di mana ia akan mencetuskan keadaan yang sesuai untuk sesuatu penyakit atau perosak untuk membikai dan tersebar."

"Apabila kekurangan air, ketahanan pokok padi menjadi rendah dan mudah untuk penyakit dan perosak menyerang. Pokok padi tergolong dalam keluarga rumput yang sensitif kepada stres air atau kemarau," katanya.

Jelasnya, sumber air yang semakin terhad akan menjelaskan produktiviti hasil padi, terutamanya di jalapang padi yang terdedah kepada kemarau.

Contohnya, seperti di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA),

PADI perlu diberi keutamaan sebagai sekuriti makanan kerana kecukupan makanan masih tidak mencukupi iaitu sekitar 72 peratus di negara ini.



## Rumput jadi ancaman pesawah di musim panas

Kelantan yang merekodkan jumlah air hujan kurang dari 200 mm sebulan.

Awal Mei lalu media melaporkan, KADA merekodkan kerugian lebih RM2.7 juta apabila hampir 30 peratus hasil padi di Kelantan, merosot akibat musim kemarau.

Penanaman padi di Semenanjung Malaysia mempunyai dua musim iaitu musim utama (antara bulan Ogos hingga Februari tahun berikutnya) dan luar musim (antara Mac hingga Julai dalam tahun berkenaan).

Musim utama ialah tanaman padi mempunyai air yang mencukupi berbanding di luar musim iaitu musim kering dan kekurangan air atau kemarau ini akan menjelaskan sekuriti makanan negara.

“

**Apabila kekurangan air, ketahanan pokok padi menjadi rendah dan mudah untuk penyakit dan perosak menyerang.”**

### PERANAN KERAJAAN DAN PESAWAH

Sebagai persiapan fenomena El Nino, Zulkarami berkata beberapa langkah boleh dilakukan oleh kerajaan dan pihak berkaitan dalam membantu pesawah untuk menambahbaik pengeluaran beras dan padi.

Misalnya, seperti pemberian insentif yang menarik atau kemudahan fasiliti dan pengairan yang cekap dan efisien.

"Kerajaan perlu membantu para pesawah dengan menyediakan sumber air bawah tanah (*tube well*) di beberapa tempat yang

penting termasuklah mencari jalan alternatif dengan menggalakkan kajian lebih terperinci dijalankan.

"Sesi perbincangan serta tindakan bersama pesawah dan agensi terlibat perlu dilakukan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan tanaman padi secara muafakat," katanya.

Pesawah juga ujarnya, boleh melakukan penyediaan air mencukupi melalui kolam tadowan, takungan, sumber air bawah tanah dan sistem pam air yang sesuai.

Penambahan baja *nitrate of potash* (MOP) atau potassium (K) boleh dijadikan sebagai bahan untuk mengurangkan kesan kemarau pada pokok padi.

"Pemilihan benih padi yang sesuai dan cepat matang atau singkat seperti 100 hari berbanding 120 hari kebiasannya boleh digunakan agar pokok padi dapat melewati peringkat pembilakan setelah tiada air seperti benih padi MR220CL2.

"Penggunaan teknologi terkini UAV (*Unmanned Aerial Vehicle*) untuk pengurusan tanaman padi yang tepat membantu pesawah membuat keputusan yang tepat bagi menyelesaikan isu atau masalah berkaitan padi," katanya.

Tegasnya, tanaman padi perlu diberi keutamaan sebagai sekuriti makanan kerana kecukupan makanan (*self-sufficiency level*) masih tidak mencukupi iaitu sekitar 72 peratus di negara ini.

Beras yang berkualiti adalah hasil daripada pokok padi yang ditanam meliputi aspek pengurusan tanaman yang sistematis, tanah yang berkualiti, pengurusan efisien dari ancaman perubahan cuaca, pemindahan dan pengembangan teknologi yang terkini oleh pihak agensi terlibat.



ZULKARAMI menunjukkan kekurangan air menyebabkan ketahanan pokok menjadi rendah.